

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(V)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA  
YB. GOOI ZI SEN**

15. Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang.
- (a) Apakah status terkini berhubung dengan Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang?
  - (b) Sila senaraikan sesi perbincangan dan keterlibatan (engagement) yang telah diadakan berhubung Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang mengikut tarikh, lokasi dan sasaran kumpulan yang berkenaan.

**YB. YEOH SOON HIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

15. (a) Pada masa ini, Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang sedang dikemaskini dan diperhalusi dengan input dan maklum balas daripada sesi Town Hall yang telah diadakan pada 13 Februari 2020. Seterusnya, pelan tersebut akan dibentangkan kepada penggiat-penggiat industri pelancongan, Ahli Parlimen dan ADUN di Pulau Pinang sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk kelulusan. Penerbitan pelan tersebut ditangguh sehingga situasi COVID-19 bertambah baik di Malaysia disebabkan perubahan dan penyelarasannya beberapa pelan promosi kepada selepas COVID-19.
- (b) Sejumlah enam (6) sesi perbincangan dan keterlibatan (engagement) telah diadakan berhubung penyediaan Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang seperti perincian di **Lampiran A**.

## LAMPIRAN A

### SENARAI SESI PERBINCANGAN DAN KETERLIBATAN (ENGAGEMENT) YANG TELAH DIADAKAN BERHUBUNG PELAN INDUK PELANCONGAN PULAU PINANG

Bil.	Perkara	Tarikh	Tempat	Fokus	Kumpulan Sasaran
1.	<i>Focus Group Discussion (FGD) 1</i>	16 Ogos 2019	Cititel Hotel, George Town	Mengenalpasti isu dan masalah di kalangan penggiat industri pelancongan	Penggiat-penggiat industri pelancongan (90 peserta)
2.	<i>Focus Group Discussion (FGD) 2</i>	19 Ogos 2019	SAINS@USM, Bukit Jambul, Pulau Pinang	Mengenalpasti isu dan masalah di kalangan penggiat industri pelancongan	Wakil-wakil jabatan kerajaan, ahli-ahli Badan Bukan Kerajaan (NGO), dan wakil-wakil komuniti (44 peserta)
3.	<i>Focus Group Discussion (FGD) 3</i>	11 September 2019	Cititel Hotel, Pulau Pinang	Mengenalpasti teras, strategi dan projek-projek pelancongan utama	Ahli Parlimen, ADUN, Ahli Majlis MBPP (34 peserta)
4.	<i>Focus Group Discussion (FGD) 4</i>	1 Oktober 2019	Safira Country Club, Seberang Jaya	Mengenalpasti teras, strategi dan projek-projek pelancongan utama	Ahli Parlimen, ADUN, Ahli Majlis MBSP (30 peserta)
5.	<i>Penang Tourism Forum</i>	9 November 2019	Sains @ USM, Bukit Jambul, Pulau Pinang	Mengadakan pertukaran pandangan dengan pakar-pakar industri pelancongan	Penggiat industri pelancongan dan ahli akademik (154 peserta)
6.	<i>Town Hall</i>	13 Februari 2020	Setia SPICE Convention Centre	Membentangkan kandungan draft pertama PGTMP untuk mendapatkan pandangan daripada penggiat-penggiat industri pelancongan	Ahli Parlimen, ADUN, penggiat industri pelancongan, agensi Kerajaan, pihak komuniti, NGO dan ahli akademik (200 peserta)